

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 NOVEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 4

### Kerajaan baharu mampu bentang belanjawan besar, mesra rakyat

# Kerajaan baharu mampu bentang belanjawan besar, mesra rakyat

**Bajet 2023 bakal ambil kira impak ekonomi global, tangani kos sara hidup rakyat**

Oleh Mahianum Abdul Aziz dan Zanariah Abd Mutalib  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Kerajaan baharu masih mampu membentangkan Bajet 2023 dengan peruntukan yang besar dan mesra rakyat bagi menangani isu kos sara hidup serta menyokong perniagaan.

Ia boleh disediakan dengan melaksanakan konsep pengurusan yang lebih cekap dan berhemah dari segi perbelanjaan serta memastikan sebarang peruntukan tambahan dapat dipadankan dengan hasil tambahan atau penjimatan perbelanjaan lain yang tidak perlu.

Pada masa sama, penganalisis dan ahli ekonomi berpendapat, Bajet 2023 yang bakal dibentangkan semula bulan depan di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu mengambil kira dua pertimbangan utama, laju langkah mengimbangi impak kelembapan ekonomi global ke atas ekonomi rakyat, terutama menangani isu

kos sara hidup dan pembaharuan bagi mengukuh asas ekonomi.

Affin Hwang Investment Bank dalam nota penyelidikannya semalam berkata, kerajaan masih boleh membentangkan bajet yang mesra rakyat dengan bantuan tunai diteruskan untuk kumpulan yang memerlukan.

Bank pelaburan itu turut percaya, sebarang pengenalan sistem subsidi bahan api bersasar hanya akan dilakukan secara beransur-ansur dan pada kadar yang terukur.

"Apa yang penting ia tidak membebarkan kumpulan berpendapatan rendah berikutan kesan pengurangan subsidi dalam kos sara hidup mereka."

"Dalam menyediakan Bajet 2023 yang baharu, kami percaya kerajaan yang baharu tetap akan membentangkan bajet yang 'murai hati' dan mesra rakyat."

"Perhatian boleh diberikan kepada isu peningkatan kos sara hidup dan pada masa sama menyediakan insentif seperti bantuan tunai yang akan membantu menyokong penggunaan swasta," katanya.

Beliau berkata, ia bagi memastikan perbelanjaan penting diluluskan terlebih dahulu, termasuk subsidi dan bantuan kelangsungan hidup rakyat.

"Ia memandangkan Kerajaan Perpaduan harus mengambil kira semua manifesto parti yang bertanding yang membentuk Kerajaan Perpaduan ini dan meng-

ngurus kerajaan, khususnya gaji penjawat awam.

Kelulusan emolumen itu penting bagi memastikan tiada kebimbangan dalam kalangan penjawat awam berhubung gaji, berikutkan Bajet 2023 masih belum diluluskan.

Selanjutnya, bekas Menteri Kewangan di bawah pimpinan kerajaan lalu, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz, membentangkan Bajet 2023 pada 7 Oktober lalu di Dewan Rakyat.

Bagaimanapun, bantuan tidak sempat dibahas dan diluluskan selepas Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan pembubaran Parlimen, 10 Oktober lalu.

Penganalisis Ekonomi Putra Business School, Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff pula berpendapat, seolok-eloeknya kerajaan membentangkan bajet mungkin seperti pada 1999 pada sidang Parlimen, Disember ini.

Beliau berkata, ia bagi memastikan kerajaan baru dilihat akan memberi penekanan kepada langkah penjimatatan, namun ia perlu dilaksanakan secara berhati-hati supaya tidak memberi kesan sampingan kepada ekonomi.

daptasi iniinitiatif yang terbaik dari setiap manifesto ke dalam Bajet 2023 yang berkemungkinan akan dibentangkan pada Januari atau Februari nanti.

"Keutamaan yang perlu diberi masih lagi berkenaan isu kos sara

hidup yang meningkat, kenaikan harga barang, gaji yang lebih kompetitif, peluang pekerjaan yang lebih baik, peluang untuk perniagaan mengembangkan perniagaan masing-masing di samping mengurangkan kos operasi merangkumi kos bil elektrik, kos pembiayaan dan sebagainya," katanya.

Berkongsi pendapat sama, penganalisis ekonomi, Prof Madya Dr Mohd Yusof Saat berkata walaupun kerajaan baharu dilihat akan memberi penekanan kepada langkah penjimatatan, namun ia perlu dilaksanakan secara berhati-hati supaya tidak memberi kesan sampingan kepada ekonomi.

#### **Belanjawan min 19 Disember**

Anwar pada sidang media pertamanya sebaik dilantik sebagai Perdana Menteri Ke-10, Khamis lalu, berkata kerajaan akan membentang rang undang-undang (RUU) belanjawan min pada 19 Disember depan bagi meluluskan emolumen berkaitan belanja me-

tik terus bergerak, namun perlu efektif dan memberi impak pengandaan kepada pertumbuhan ekonomi serta rakyat.

"Bagi memastikan kita membina semula asas ekonomi kita, perubahan struktur dan reformasi bersesuaian perlu dilakukan supaya ekonomi kita kalis krisis.

"Sebagai contoh transformasi dan reformasi, negara perlu memberi fokus kepada pengeluaran makanan yang kukuh kerana kemelesetan ekonomi dunia terbukti memberi impak besar kepada harga makanan, jadi sekurang-kurangnya kita boleh berhatian di masa akan datang jika berlaku krisis," katanya.

Mohd Yusof berkata, Bajet 2023 juga disaran sebagai bajet pengembangan, yang mana perbelanjaan oleh kerajaan amat perlu untuk suntikan ekonomi domestik.

"Perbelanjaan diperlukan tapi kita perlu lihat perbelanjaan yang bagaimana. Kita mahukan perbelanjaan yang boleh menjana peluang pekerjaan dan melonjakkan pendapatan.

"Penjimatatan itu perlu tapi ia harus dilakukan secara berhati-hati. Kita tidak mahu penjimatatan itu mungkin beri kesan sampingan kepada ekonomi.

"Sebagai contoh, pada pentadbiran lalu, mereka mengurangkan perbelanjaan yang mengakibatkan penciptaan pekerjaan oleh sektor swasta menurun," katanya.



#### **Renggang ekonomi domestik**

Mohd Yusof yang juga Ketua Ekonomi Buruh merangkap penasihat menteri di Kementerian Sumber Manusia dan Emigrasi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), berkata di bawah Bajet 2023 nanti, kerajaan perlu berbelanja untuk memastikan ekonomi domes-